05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DAN TEKANAN KERJA TERHADAP KEBERKESANAN PENGAJARAN PENSYARAH POLITEKNIK SERTA PERANAN PENGALAMAN KERJA SEBAGAI MODERATOR.

ANAS BIN TAJUDIN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN
(PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi, tekanan kerja dan keberkesanan pengajaran dalam kalangan pensyarah politeknik. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh antara kecerdasan emosi dan tekanan kerja dengan keberkesanan pengajaran dalam kalangan pensyarah politeknik. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan menentukan sama ada pengalaman kerja berfungsi sebagai pemboleh ubah moderator antara kecerdasan emosi dan tekanan kerja dengan keberkesanan pengajaran dalam kalangan pensyarah politeknik. Sejumlah 167 orang pensyarah lelaki dan 126 orang pensyarah perempuan telah dipilih menggunakan kaedah persampelan kelompok dari empat buah politeknik di Malaysia sebagai sampel kajian. Set soal selidik yang mengandungi lima item soalan tertutup dan 55 item berskala 4 likert telah digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Sebanyak enam hipotesis nol telah dibentuk bagi kajian ini. Untuk tujuan pengujian hipotesis, kaedah statistik Korelasi Pearson, analisis Regresi Linear dan analisis Regresi Pelbagai telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan tahap kecerdasan emosi dan keberkesanan pengajaran pensyarah politeknik adalah tinggi manakala tahap tekanan kerja pensyarah politeknik adalah sederhana. Hasil kajian ini juga menunjukkan kecerdasan emosi memberi kesan positif dan mempengaruhi keberkesanan pengajaran pensyarah politeknik, manakala tekanan kerja memberi kesan negatif dan mempengaruhi keberkesanan pengajaran pensyarah politeknik. Hasil analisis regresi pelbagai mendapati pengalaman kerja berfungsi sebagai pemboleh ubah moderator separa antara kecerdasan emosi dan tekanan kerja terhadap keberkesanan pengajaran. Kajian ini memberi implikasi dari segi praktis dengan membuktikan bahawa kecerdasan emosi, tekanan kerja dan pengalaman kerja mempunyai pengaruh ke atas keberkesanan pengajaran dalam kalangan pensyarah politeknik. Berdasarkan hasil kajian ini, cadangan-cadangan bagi keberkesanan pengajaran dalam kalangan pensyarah politeknik dan cadangan untuk kajian lanjut telah dimuatkan sebagai refleksi dan rujukan untuk penyelidikan pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

THE RELATIONSHIP OF EMOTIONAL INTELLIGENCE AND JOB STRESS ON THE TEACHING EFFECTIVENESS AMONG MALAYSIAN POLYTECHNIC LECTURERS AND THE ROLE WORKING EXPERIENCE AS MODERATOR.

ABSTRACT

The objectives of this study were to identify the level of emotional intelligence, job stress with teaching effectiveness among polytechnic lecturers. Also the objectives of this study were identifying the relationship and influence between emotional intelligence and job stress with teaching effectiveness among polytechnic lecturers. In addition, this study also identify the influence of working experience functions as moderator variables between emotional intelligence and job stress with teaching effectiveness among polytechnic lecturers. The sample of this study consists of 167 male lecturers and 126 female lecturers. They were selected by a cluster sampling method from four Malaysia polytechnic. A set of questionnaire containing five items of closed question and 55 items using four-points Likert Scale was administrated in this study. Six null-hypotheses were constructed for this study. These hypotheses were tested by using Pearson Correlation Matrix, Linear Regressions analysis and Multiple Regressions analysis. The result revealed that a high level of polytechnic lecturers' emotional intelligence and teaching effectiveness while moderate level of polytechnic lecturers' job stress. Also the result revealed there were positive relationships and influence between emotional intelligence and teaching effectiveness, while the result were negative relationships and influence between job stress and teaching effectiveness. The Multiple Regressions analysis found that working experience function as a partial moderator variable between emotional intelligence and job stress with teaching effectiveness. This study has implications of practice by proving that emotional intelligence, job stress and working experience have an influence on the teaching effectiveness among polytechnic lecturers. Based on these findings, some suggestions are offered to enhance the polytechnic lecturers' teaching effectiveness as well as for the interest of further researchers.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

ISI KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xiv

SENARAI SINGKATAN xv

BAB 1 PENGENALAN 1

1.1 Latar Belakang Kajian 1

1.2 Latar Belakang Politeknik 5

1.3 Pernyataan Masalah 8

1.4 Objektif Kajian 13

1.5 Persoalan Kajian 14

1.6 Hipotesis Kajian 15

1.7 Kepentingan Kajian 16

1.8 Batasan Kajian 18

1.9 Definisi Operasional 19

1.9.1 Keberkesanan Pengajaran 19

1.9.2 Kecerdasan Emosi 20

1.9.3 Tekanan Kerja Pensyarah 21

1.9.4 Pengalaman Kerja 21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.5 Pensyarah 22

1.9.6 Politeknik 22

1.10 Penstrukturan Tesis 22

1.11 Rumusan 23

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 25

2.0 Pengenalan 25

2.1 Konsep Keberkesanan Pengajaran 26

2.2 Indikator Penilaian Keberkesanan Pengajaran 31

2.2.1 Individu Pensyarah 32

2.2.2 Subjek Kursus Pengajian 36

2.2.3 Kelas Atau Bilik Kuliah 38

2.2.4 Pelajar 41

2.3 Dimensi Di Dalam Keberkesanan Pengajaran 42

2.4 Ciri-Ciri Keberkesanan Pengajaran 45

2.5 Model Keberkesanan Pengajaran 48

2.6 Kecerdasan Emosi 51

2.6.1 Konsep Kercerdasan Emosi 51

2.6.2 Teori-Teori Kecerdasan Emosi 56

2.6.3 Kecerdasan Emosi Dan Pengajaran 68

2.7 Tekanan Kerja 78

2.7.1 Konsep Tekanan Dan Tekanan Kerja 79

2.7.2 Faktor-Faktor Tekanan Kerja 85

2.7.3 Model Tekanan Kerja 89

2.7.4 Tekanan Kerja Dan Pengajaran 94

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.8 Pengalaman Kerja Dan Keberkesanan Pengajaran 97

2.9 Kerangka Konsep Kajian 101

2.10 Rumusan 107

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN 108

3.0 Pengenalan 108

3.1 Reka Bentuk Kajian 109

3.2 Unit Analisis 113

3.3 Populasi Dan Persampelan Kajian 113

3.4 Instrumen Kajian 118

3.4.1 Bahagian A: Demografi Responden 120

3.4.2 Bahagian B: Kecerdasan Emosi Pensyarah 122

3.4.3 Bahagian C: Tekanan Kerja Pensyarah 124

3.4.4 Bahagian D: Keberkesanan Pengajaran 126

3.5 Kajian Rintis 128

3.6 Prosedur Pengumpulan Data 137

3.7 Prosedur Penganalisis Data 145

3.7.1 Analisis Statistik Deskriptif Demografi Responden 145

3.7.2 Analisis Statistik Deskriptif Penentuan Tahap 145

3.7.3 Analisis Statistik Inferensi 147

3.8 Ringkasan Analisis Statistik Yang Digunakan 150

3.9 Rumusan 152

BAB 4 DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN 154

4.0 Pengenalan 154

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Analisis Profil Demografi Responden 155

4.2 Tahap Kecerdasan Emosi, Tekanan Kerja dan Keberkesanan Pengajaran Pensyarah 158

4.2.1 Tahap Kecerdasan Emosi Pensyarah 159

4.2.2 Tahap Tekanan Kerja Pensyarah 161

4.2.3 Tahap Keberkesanan Pengajaran Pensyarah 163

4.3 Pengujian Hipotesis Kajian 166

4.3.1 Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian Mengenai Kesignifikanan Hubungan Dan Pengaruh Di Antara Kecerdasan Emosi Dengan Keberkesanan Pengajaran (Dimensi Penyampaian Maklumat, Interaksi Berkesan dan Layanan Secara Adil) 167

4.3.2 Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian Mengenai Kesignifikanan Hubungan Dan Pengaruh Di Antara Tekanan Kerja Dengan Keberkesanan Pengajaran (Dimensi Penyampaian Maklumat, Interaksi Berkesan dan Layanan Secara Adil) 178

4.3.4 Keputusan Pengujian Hipotesis Kajian Mengenai Peranan Pengalaman Kerja Sebagai Moderator Antara Kecerdasan Emosi, Tekanan Kerja Dan Keberkesanan Pengajaran 188

4.4 Ringkasan Dapatan Kajian 207

4.5 Rumusan 208

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN 212

5.0 Pengenalan 212

5.1 Rumusan Hasil Kajian 213

5.1.1 Objektif Untuk Mengenal Pasti Tahap Kecerdasan Emosi, Tekanan Kerja Dan Keberkesanan Pengajaran Dalam Kalangan Pensyarah Politeknik. 213

5.1.2 Objektif Untuk Mengenal Pasti Hubungan Dan Pengaruh Di Antara Kecerdasan Emosi Dengan Keberkesanan Pengajaran (Secara Keseluruhan Dan 217

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Dimensi Penyampaian Maklumat, Interaksi Berkesan Dan Layanan Secara Adil) Pensyarah.

5.1.3 Objektif Untuk Mengenal Pasti Hubungan Dan Pengaruh Di Antara Tekanan Kerja Dengan Keberkesanan Pengajaran (Secara Keseluruhan Dan Berdasarkan Dimensi Penyampaian Maklumat, Interaksi Berkesan Dan Layanan Secara Adil) Pensyarah. 221

5.1.4 Objektif Untuk Menentukan Sama Ada Pengalaman Kerja Berfungsi Sebagai Moderator Antara Hubungan Kecerdasan Emosi Dan Tekanan Kerja Terhadap Keberkesanan Pengajaran. 224

5.2 Kesimpulan Kajian 226

5.3 Cadangan-Cadangan 229

5.4 Implikasi Kajian 233

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan 236

5.6 Penutup 238

RUJUKAN 240

LAMPIRAN 266

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual **Muka Surat**

3.1 Proses Kaedah Kaji Selidik 111

3.2 Bilangan Pensyarah Mengikut Politeknik Pada Tahun 2011 114

3.3 Bilangan Responden Mengikut Politeknik 118

3.4 Bilangan Item Dalam Soal Selidik 119

3.5 Pembahagian Item Bahagian Maklumat Demografi 121

3.6 Item-Item Mengukur Kecerdasan Emosi Pensyarah 122

3.7 Item-Item Mengukur Tekanan Kerja Pensyarah 125

3.8 Item-Item Mengukur Keberkesanan Pengajaran 127

3.9 Koefisien Cronbach Alfa 132

3.10 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis (N=50) 132

3.11 Nilai *Skewness* Dan *Kurtosis* 136

3.12 Maklum Balas Responden 140

3.13 Perbandingan Data Demografi Responden 142

3.14 Penentuan Tahap 146

3.15 Kekuatan Korelasi 148

3.16 Ringkasan Analisis Statistik Yang Digunakan 151

4.1 Taburan Responden Mengikut Umur 156

4.2 Taburan Responden Mengikut Jantina 156

4.3 Taburan Responden Mengikut Tempoh Pengalaman Mengajar Di Politeknik 157

4.4 Taburan Responden Mengikut Jabatan Yang Mengajar 157

4.5 Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan 158

4.6 Min Tahap Kecerdasan Emosi Pensyarah 159

4.7 Min Tahap Tekanan Kerja Pensyarah 162

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8 Min Tahap Keberkesanan Pengajaran Pensyarah 164

4.9 Keputusan Ujian Korelasi Pearson Bagi Hubungan Di Antara Pemboleh ubah Kecerdasan Emosi Dengan Keberkesanan Pengajaran 169

4.10 Analisis Regresi Linear Kecerdasan Emosi Terhadap Keberkesanan Pengajaran 170

4.11 Analisis Regresi Linear Kecerdasan Emosi Terhadap Dimensi Penyampaian Maklumat 171

4.12 Analisis Regresi Linear Kecerdasan Emosi Terhadap Interaksi Berkesan 175

4.13 Analisis Regresi Linear Kecerdasan Emosi Terhadap Layanan Secara Adil 177

4.14 Keputusan Ujian Korelasi Pearson Bagi Hubungan Di Antara Pemboleh ubah Tekanan Kerja Dengan Keberkesanan Pengajaran 178

4.15 Analisis Regresi Linear Tekanan Kerja Terhadap Keberkesanan Pengajaran 180

4.16 Analisis Regresi Linear Tekanan Kerja Terhadap Penyampaian Maklumat 182

4.17 Analisis Regresi Linear Tekanan Kerja Terhadap Interaksi Berkesan 185

4.18 Analisis Regresi Linear Tekanan Kerja Terhadap Layanan Secara Adil 187

4.19 Analisis Regresi Pelbagai Kaedah '*Enter*' Peringkat Pertama Kecerdasan Emosi 192

4.20 Analisis Regresi Pelbagai Kaedah '*Enter*' Peringkat Kedua Kecerdasan Emosi 193

4.21 Analisis Regresi Pelbagai Kaedah '*Enter*' Peringkat Ketiga Kecerdasan Emosi 195

4.22 Rumusan Analisis Regresi Pelbagai Kaedah '*Enter*' Bagi Penentuan Pengalaman Kerja Sebagai Moderator Antara Kecerdasan Emosi Dan Keberkesanan Pengajaran 197

4.23 Analisis Regresi Pelbagai Kaedah '*Enter*' Peringkat Pertama Tekanan Kerja 200

4.24 Analisis Regresi Pelbagai Kaedah '*Enter*' Peringkat Kedua Tekanan Kerja 201

4.25 Analisis Regresi Pelbagai Kaedah '*Enter*' Peringkat Ketiga Tekanan Kerja 203

4.26 Rumusan Analisis Regresi Pelbagai Kaedah '*Enter*' Bagi Penentuan Pengalaman Kerja Sebagai Moderator Antara Tekanan Kerja Dan Keberkesanan Pengajaran 205

4.27 Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis Nol 210

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.28 Rumusan Keputusan Analisis Tahap Kecerdasan Emosi, Tekanan Kerja Dan Keberkesanan Pengajaran 212

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

Rajah **Muka Surat**

2.1 Enam Kategori Ciri-Ciri Keberkesanan Pengajaran 47

2.2 Model Pendidikan Dinamik Pelbagai Peringkat 50

2.3 Model Empat Cabang Kecerdasan Emosi Salovey Dan Mayer 58

2.4 Teori Kecerdasan Emosi Goleman 60

2.5 Model Kecerdasan Emosi-Sosial Bar-On 62

2.6 Sistem Pembelajaran Emosi Nelson Dan Low 66

2.7 Model Tekanan Guru 90

2.8 Model Tekanan Kerja Guru 94

2.9 Kerangka Konsep Kajian 106

4.1 Model Kesan Moderator Terhadap Kecerdasan Emosi Dan Keberkesanan Pengajaran 196

4.2 Pengujian Hubungan Pemboleh ubah (Kecerdasan Emosi, Pengalaman Kerja Dan Keberkesanan Pengajaran) Sebelum Moderator 201

4.3 Pengujian Hubungan Pemboleh ubah (Kecerdasan Emosi, Pengalaman Kerja Dan Keberkesanan Pengajaran) Selepas Moderator 201

4.4 Pengujian Hubungan Pemboleh ubah (Tekanan Kerja, Pengalaman Kerja Dan Keberkesanan Pengajaran) Sebelum Moderator 210

4.5 Pengujian Hubungan Pemboleh ubah (Tekanan Kerja, Pengalaman Kerja Dan Keberkesanan Pengajaran) Selepas Moderator 210

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

df	Degree of freedom (darjah kebebasan)
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JPP	Jabatan Pengajian Politeknik
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
m/s	Muka surat
no.	Nombor
PSPTN	Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara
RMK-10	Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh
SEM	Model Persamaan Struktur
SPSS	Statistical Packages for Social Science
Sd.	Standard Deviation (sisihan piawai)
t	nilai t
&	Dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Latar Belakang Kajian

Sektor pendidikan merupakan sektor yang berperanan penting dalam pembangunan negara dengan menyediakan sumber tenaga kerja yang berkualiti tinggi dan berinovasi. Melalui pendidikan juga mewujudkan persefahaman antara manusia dan ketamadunan kerana ia sebahagian daripada pengetahuan, nilai budaya dan sikap, pembangunan kemahiran, pembentukan karakter dan perubahan sesuatu budaya (Mohd Kamal, 2011) yang bersesuaian dalam konteks negara Malaysia. Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia berperanan menawarkan pelbagai bentuk pendidikan meliputi bidang sains, sains sosial, teknikal dan vokasional yang merupakan wadah penting dalam proses melahirkan graduan-graduan serta pakar di dalam bidang-bidang berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kegagalan IPT Malaysia bersaing dalam memenuhi senarai kedudukan 100 universiti terbaik dunia dalam *Times Higher Education Supplement* (*THES*) dipandang serius oleh pelbagai pihak. Kegagalan ini ada kaitan dengan kualiti yang dimiliki oleh para pensyarah IPT Malaysia. Justeru kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah mengambil inisiatif melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang antara agenda terasnya adalah memperbaiki kedudukan IPT Malaysia dalam senarai *THES*. Melalui agenda teras kedua dan keempat PSPTN iaitu menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran serta memperkasa IPT menerusi pelbagai pelan tindakan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007), maka secara langsung agenda teras PSPTN ini ada berkait rapat dengan peranan pensyarah IPT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pensyarah merupakan antara komponen penting dalam menentukan kejayaan sesebuah IPT. Mohd Taib (2004) berpandangan reputasi sesebuah IPT bergantung kepada kecemerlangan dan kehebatan akademik melalui idea dan pandangan yang ditunjukkan oleh para pensyarah dari segi penyelidikan, penerbitan dan bilangan profesor yang diiktiraf oleh kumpulan pakar sebidang di peringkat antarabangsa. Reputasi sesebuah IPT juga dilihat dari sudut graduan yang dihasilkan berkebolehan memenuhi permintaan pasaran tenaga kerja dalam pelbagai bidang.

Seorang pensyarah cemerlang harus peka dengan perkembangan terkini berkaitan proses kepimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber dan pencapaian matlamat pendidikan negara (Ahmad Johari & Siti Asfarina, 2010). Pensyarah menggalas amanah dan tanggungjawab yang berat ditanggung dalam membentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

serta melengkapkan para pelajar dengan ilmu pengetahuan sewaktu tempoh pembelajaran agar graduan yang dilahirkan mempunyai kebolehan menyesuaikan ilmu yang diperoleh dengan bidang kerjaya yang diceburi (Anas et al, 2013). Perubahan dan peralihan lanskap sistem pendidikan negara secara tidak langsung merubah fungsi dan peranan pensyarah pada masa kini. Pensyarah tidak hanya lagi berperanan sebagai pengajar, pendidik dan pembimbing tetapi telah berkembang ke tahap sebagai motivator, pakar rujuk, idola dan pemimpin dalam diri pelajar serta masyarakat (Syed Najmuddin et al, 2011).

Profesion pensyarah merupakan suatu kerjaya yang amat mencabar kerana ia merangkumi beberapa aspek seperti personaliti, kecerdasan emosi, tekanan kerja, motivasi dan keperihatinan. Kerjaya sebagai seorang pensyarah tidak mempunyai pembahagian masa yang jelas antara waktu bekerja dan waktu tidak bekerja (Anas et al, 2013). Ini kerana selain dari mengajar pada hari bekerja, pensyarah dikehendaki datang ke kampus pada pada waktu petang atau malam, di hujung minggu dan di hari cuti bagi menjalankan aktiviti kokurikulum seperti kegiatan projek penyelidikan, pembentangan projek, seminar serta kegiatan para pelajar. Kerjaya pensyarah juga mempunyai peranan tersirat di mana terkandung peranan sosial yang sangat penting sebagai seorang intelektual di dalam komuniti masyarakat. Pensyarah juga terdedah kepada persekitaran kerja yang melibatkan pentadbiran institusi, rakan sekerja dan pelajar. Kepelbagaian peranan dan tanggungjawab yang dihadapi dalam profesion sebagai pensyarah menyebabkan ada sesetengah pensyarah menganggap sebagai suatu cabaran kerja dan ada juga segelintir pensyarah mungkin mencetuskan emosi serta tekanan kerja yang boleh menggugat kesejahteraan diri dan prestasi kerja individu atau keadaan sekeliling (Faizah & Zuhaili, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Agenda teras kedua PSPTN dari segi peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran tidak akan dapat dicapai sekiranya pensyarah gagal dalam mengawal emosi dan tekanan kerja sewaktu proses pembelajaran dan pengajaran. Ini kerana emosi dan tekanan kerja antara faktor yang memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran pensyarah yang secara langsung mempengaruhi kualiti kerja seseorang pensyarah. Kejayaan seseorang pensyarah dalam melahirkan graduan yang berkualiti akan terbit dari persediaan dan kesungguhan pensyarah tersebut dari segi mental merangkumi emosi dan pengurusan tekanan serta fizikal sebelum dan juga semasa melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran sama ada berkesan dan berkualiti atau tidak (Syed Najmuddin et al, 2011).

Saedah dan Nurhayati (2006) menyatakan penghayatan pensyarah terhadap perancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran, penilaian pengajaran serta hubungan interpersonal di antara pensyarah dan pelajar dapat memberikan kesan terhadap keberkesanan pengajaran. Terdapat beberapa indikator yang mempengaruhi hubungan interpersonal di antara pensyarah dan pelajar yang memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran pensyarah. Antara indikator yang mempengaruhi hubungan interpersonal di antara pensyarah dan pelajar adalah dari segi kecerdasan emosi, tekanan kerja serta pengalaman kerja pensyarah (Anas et al, 2013). Dalam konteks pendidikan teknikal dan vokasional yang terdiri dari politeknik, penekanan terhadap kecerdasan emosi dan tekanan kerja pensyarah harus diberi tumpuan. Ini kerana pensyarah adalah nadi kepada organisasi sesuatu IPT yang bertanggungjawab melahirkan graduan yang berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Politeknik

Bidang teknikal dan vokasional merupakan salah satu komponen utama pembangunan sumber manusia negara dalam memenuhi keperluan Model Ekonomi Baru (MEB) yang berasaskan inovasi dan kreativiti (Jabatan Pengajian Politeknik, 2011). Laporan oleh *World Bank* pada tahun 2000 menyatakan kebanyakan negara Asia Pasifik telah menumpukan pendidikan kepada bidang teknikal dan vokasional di IPT agar dapat melahirkan graduan yang kompetitif dan seterusnya menyumbang tenaga kerja dalam sektor perindustrian agar dapat bersaing dalam pasaran global (The World Bank, 2000). Tuntutan permintaan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dari pelbagai sektor telah menyebabkan kerajaan menubuhkan sistem pendidikan politeknik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sejarah penubuhan politeknik di negara Barat bermula sekitar abad ke-19 melalui penubuhan London Polytechnic. Di negara Britain transformasi pendidikan teknikal khususnya melibatkan institusi politeknik bermula tahun 1992 apabila kerajaan Britain menguatkuasakan *Further and Higher Education Act* yang memberikan kuasa autonomi institusi politeknik menganugerahkan sendiri ijazah kepada pelajar. Ini kerana sebelum tahun 1992, sistem pendidikan di Britain meletakkan peranan institusi politeknik sebagai kelas kedua iaitu lebih rendah dari universiti yang menyebabkan politeknik di Britain tidak mempunyai kuasa autonomi untuk menganugerahkan kelayakan ijazah kepada pelajar sendiri dan dilakukan oleh *Council for National Academic Award*. Begitu juga di negara Australia yang meletakkan politeknik setara dengan kolej yang dikenal sebagai *TAFE College* (Jabatan Pengajian Politeknik, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbeza di Malaysia, pendidikan tertiari khususnya dalam bidang teknikal dan vokasional telah diwujudkan dalam sistem pendidikan seawal tahun 1969 melalui penubuhan politeknik yang pertama iaitu Politeknik Ungku Omar (Jabatan Pengajian Politeknik, 2010) bagi mencapai salah satu dari agenda PSPTN iaitu menghasilkan graduan-graduan yang kompeten untuk memenuhi keperluan guna tenaga negara dan antarabangsa dalam pelbagai sektor dan peringkat pengajian (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2011). Menjelang tahun 2015, negara Malaysia memerlukan sebanyak 37 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi di mana bidang pendidikan teknikal dan vokasional dapat memberi peranan dan sumbangan dalam merealisasikan sasaran ini (Jabatan Pengajian Politeknik, 2011). Sehubungan dengan itu, penubuhan politeknik yang merupakan salah satu dari IPT awam menawarkan pendidikan dan latihan dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan perdagangan pada peringkat separa mahir (Mohamad et al, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pertambahan bilangan pelajar setiap tahun seiring dengan pertambahan bilangan politeknik yang diwujudkan dapat dilihat bahawa sistem pendidikan politeknik semakin berkembang di Malaysia. Komponen Pembangunan Politeknik di bawah *World Bank Education Quality Improvement Project* mensasarkan sebanyak 8,000 kapasiti latihan sepenuh masa bagi setiap penubuhan politeknik baru dan 12,000 hingga 15,000 tempat bagi pengembangan politeknik yang sedia ada (The World Bank, 2000). Sehingga akhir tahun 2011, terdapat sebanyak 30 buah politeknik ditubuhkan di Malaysia yang terdiri politeknik premier, politeknik, dan politeknik metro dengan jumlah pelajar seramai 89,910 orang (Jabatan Pengajian Politeknik, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di antara langkah yang diambil oleh kerajaan melalui mentransformasikan politeknik seiring dengan PSPTN yang merangkumi penaikan politeknik ke taraf premier, penghasilan graduan yang memenuhi keperluan pasaran dan peningkatan imej pendidikan politeknik (Jabatan Pengajian Politeknik, 2011). Justeru KPM telah mengambil langkah melalui Transformasi Politeknik dengan melaksanakan Sistem Penarafan Politeknik 2011 atau dikenali sebagai '*PolyRate 2011*' dalam memastikan kualiti pengajian politeknik seiring dengan matlamat teras keempat PSPTN (Jabatan Pengajian Politeknik, 2011).

Melalui Transformasi Politeknik sehingga tahun 2011, terdapat bilangan pensyarah politeknik yang berkelayakan ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD) telah melebihi 2,400 orang dalam pelbagai bidang pengkhususan pengajaran berkaitan (Jabatan Pengajian Politeknik, 2011). Angka bilangan pensyarah politeknik yang berkelulusan ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah ini menunjukkan bahawa KPM menerusi Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) telah komited menitikberatkan kualiti pengajian program yang ditawarkan kepada pelajar melalui tenaga kerja pensyarah yang berkualiti. Ini kerana aspek penting dalam menjamin kelestarian pengajian politeknik adalah proses pengajaran dan pembelajaran pensyarah kepada pelajar. Mohamad et al. (2012) menekankan bahawa indikator kepada perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia pada masa kini adalah melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran. KPM dan JPP telah menyarankan kepada para pensyarah politeknik supaya meningkatkan keupayaan diri melalui pensijilan profesional dalam bidang masing-masing (Jabatan Pengajian Politeknik, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui saranan oleh KPM dan JPP agar para pensyarah politeknik meningkatkan potensi diri dengan memperoleh sijil profesional dalam bidang masing-masing, maka secara langsung kualiti proses pengajaran dan pembelajaran pensyarah politeknik kepada pelajar dapat ditingkatkan apabila para pensyarah politeknik memperoleh sijil profesional. Sementara Othman dan Syarina Azura (2008) berpandangan, pensyarah perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan sama dari segi emosi dan tekanan kerja serta kemahiran yang diperlukan dalam mewujudkan pelajar sebagai seorang pekerja mahir yang lengkap dan cekap dari pelbagai bidang.

Justeru pensyarah perlu terlatih dan mempunyai kepakaran di dalam mengajar kursus atau subjek pengkhususannya agar keberkesanan dalam pengajaran dapat diwujudkan. Kesimpulannya, sistem pendidikan politeknik yang semakin berkembang memerlukan suatu sistem komprehensif dalam menilai keberkesanan pengajaran dengan membentuk kriteria dan kayu pengukur (*benchmarks*) pengajaran efektif pada kesesuaian tahap akademik di pengajian tinggi (Zakrajsek, 2002).

1.3 Pernyataan Masalah

Semenjak dua dekad lalu senario pertambahan pengambilan pelajar politeknik telah mewujudkan pengambilan tenaga pengajar akademik baru. Pertambahan kemasukan pelajar politeknik sehingga September 2012 adalah seramai 38,712 orang berbanding pada tahun 2000 iaitu 20,658 orang dan tahun 1991 pula hanya seramai 4,646 orang (Jabatan Pengajian Politeknik, 2012). Para pensyarah baru ini perlu mengendalikan kumpulan pelajar yang lebih ramai sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru itu memandangkan kumpulan pelajar yang lebih ramai maka tradisi perbincangan dalam kumpulan tutorial yang kecil seperti yang pernah diamalkan antara pada tahun 1960-an hingga 1980-an telah digantikan dengan kaedah kuliah yang lebih bercorak sehala kepada kumpulan pelajar yang lebih ramai (Mohd Taib, 2004). Pelajar merupakan pelanggan utama institusi politeknik di mana mereka mengharapkan memperoleh pengalaman yang menyeronokkan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran yang dilalui semasa menjadi pelajar. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan JPP menyediakan pensyarah yang mempunyai kepakaran dari pelbagai bidang kursus dan program yang ditawarkan.

Di dalam penilaian prestasi dalam kalangan pensyarah politeknik, pihak JPP biasanya memberi fokus kepada produktiviti kajian penyelidikan, keberkesanan pengajaran, penglibatan dalam tugas-tugas pentadbiran serta sumbangan perkhidmatan kepada masyarakat dan komuniti (Jabatan Pengajian Politeknik, 2011). Menurut Creswell (2008) penilaian keberkesanan pengajaran pensyarah adalah satu masalah unik yang mana bagaimana mekanisme keberkesanan pengajaran pensyarah dapat diukur. Ini kerana menurut Creswell (2008) lagi, produktiviti penyelidikan pensyarah dapat diukur dan dinilai berdasarkan kuantiti dan kualiti kajian penyelidikan yang dihasilkan. Manakala penglibatan pensyarah dalam tugas pentadbiran dan sumbangan kepada masyarakat dapat dinilai melalui dokumen surat lantikan dan penghargaan. Tetapi dari perspektif pengajaran, persoalan timbul bagaimana kaedah yang boleh diukur sama ada seseorang pensyarah itu dapat mengajar secara berkesan atau tidak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, kepelbagaian peranan dan tanggungjawab serta amanah yang dipikul oleh pensyarah menyebabkan ada dalam kalangan pensyarah tidak berupaya mengawal emosi dan tekanan kerja sewaktu melaksanakan tugas pengajaran (Faizah & Zuhaili, 2010). Khadijah et al.(2012) menyatakan pengawalan emosi seseorang pensyarah berkait rapat dengan kecerdasan emosi yang merangkumi beberapa aspek seperti penglibatan pengendalian diri, semangat, ketekunan, kemampuan memotivasi diri sendiri dan keupayaan menghadapi kegagalan di dalam kerjaya. Sehubungan itu, kecerdasan emosi membawa implikasi besar terhadap pencapaian komitmen tugas seseorang pensyarah khususnya dalam pengajaran (Anas et al., 2013). Justeru timbul persoalan adakah tahap kecerdasan emosi seseorang pensyarah boleh diukur secara empirikal dan apakah wujud hubungan di antara kecerdasan emosi dengan keberkesanan pengajaran pensyarah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan pensyarah mungkin tidak menyedari akan bahayanya tekanan kerja yang negatif sehingga mereka mengalami kesannya yang mengakibatkan kemerosotan kesihatan dan prestasi kerja mereka. Kyriacou dan Chien (2004) mentakrifkan tekanan kerja merupakan satu proses yang berlaku terhadap seseorang individu apabila melaksanakan sesuatu tugasan dalam keadaan rangsangan yang mengancam. Kyriacou dan Chien (2004) juga menyatakan tekanan kerja di tempat kerja haruslah dielakkan kerana ia boleh mempengaruhi kemerosotan prestasi kerja yang akhirnya boleh menjejaskan institusi. Dalam konteks pendidikan pula, pensyarah yang mempunyai tahap tekanan kerja yang tinggi berkemungkinan tidak akan kekal lama dalam profesion sebagai pendidik (Azlina & Shiqah, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Suasana pengajaran dan pembelajaran bilik kuliah yang sentiasa di dalam keadaan tegang dan tidak ceria akan menimbulkan masalah tekanan kerja dalam kalangan pensyarah dan masalah disiplin dalam kalangan pelajar yang akhirnya mempengaruhi pensyarah meninggalkan profesion mereka (Azizi, Jamaludin & Mazeni, 2010). Kyriacou dan Chien (2004) juga menekankan bahawa tekanan kerja yang berpanjangan boleh melemahkan mental dan fizikal serta berupaya melemahkan secara signifikan kerjaya pendidik yang secara langsung menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan dan komitmen pendidik. Permasalahan tekanan kerja yang mengganggu dan menimbulkan implikasi negatif kepada pensyarah menyebabkan timbul persoalan sejauh manakah tekanan kerja menjejaskan proses keberkesanan pengajaran pensyarah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengalaman mengajar dan latihan pedagogi merupakan antara kelayakan asas yang utama dalam keberkesanan pengajaran. Pengalaman mengajar merupakan pengetahuan yang dibentuk hasil dari interaksi antara faktor-faktor persekitaran kerja. Khalid et al. (2009) berpandangan tempoh dan kekerapan melaksanakan tugas pengajaran secara konsisten akan dapat membina pengetahuan dan kemahiran profesion yang diperlukan oleh seseorang pengajar. Sementara menurut Michael et al. (2008), seseorang pensyarah yang berpengalaman akan memberikan pengajaran secara efektif dan ini bergantung kepada ingatan dan tafsiran terhadap pengalaman pengajaran terdahulu yang berkaitan.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, terdapat banyak kajian mengenai keberkesanan pengajaran dibincangkan namun masih terdapat jurang kajian dalam bidang keberkesanan pengajaran yang boleh dijalankan. Pengkaji mendapati kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi